

2. Tempoh maksimum pengurangan kadar yuran pengajian dan insentif bayaran balik yuran pengajian adalah selama sepuluh (10) semester untuk PhD dan selama lapan (8) semester untuk DBA.

3. Staf Akademik akan mendapat bayaran balik yuran pengajian sebanyak 20% setelah berjaya mendapat PhD/DBA.

4. Syarat-syarat lain yang ditetapkan adalah seperti berikut:

a. Staf Akademik diminta menandatangani perjanjian pembiayaan yuran pengajian.

b. Kemudahan ini diberikan sekali sahaja sepanjang perkhidmatan dengan Universiti Utara Malaysia dan hanya diberikan kepada Staf Akademik yang belum pernah mendapat kemudahan cuti belajar bagi peringkat pengajian berkenaan.

c. Staf Akademik diminta mengemukakan laporan pengajian/keputusan peperiksaan setiap semester kepada Pendaftar. Jika gagal berbuat demikian, Universiti boleh menghentikan kemudahan pengurangan yuran pada semester berikutnya.

d. Sekiranya laporan pengajian bagi sesuatu semester tidak memuaskan, Universiti juga boleh menghentikan kemudahan pengurangan yuran pada semester berikutnya.

5. Staf Akademik yang telah berjaya mendapat PhD/DBA hendaklah memohon bayaran balik yuran kepada Pendaftar dengan mengemukakan:

- Surat pengesahan tarikh lulus PhD/DBA; dan
- Resit bayaran yuran yang telah didahulukan.

2.2 Staf Akademik Yang Sedang Mengikuti Pengajian Ijazah Kedoktoran (PhD/DBA) Secara Sambilan Di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Lain

1. Staf Akademik yang sedang mengikuti pengajian Ijazah Kedoktoran secara sambilan di IPTA lain juga diberi kemudahan insentif bayaran balik yuran pengajian setelah berjaya mendapat PhD/DBA dengan tempoh maksimum selama sepuluh (10) semester untuk PhD dan lapan (8) semester untuk DBA.

2. Staf Akademik yang telah berjaya mendapat PhD/DBA, hendaklah memohon bayaran balik yuran kepada Pendaftar dengan mengemukakan:

- Surat pengesahan tarikh lulus PhD/DBA; dan
- Resit bayaran yuran yang telah didahulukan.

3. Staf Akademik diminta menandatangani perjanjian pembiayaan yuran pengajian.

4. Kemudahan ini diberikan untuk sekali sahaja sepanjang perkhidmatan dengan Universiti Utara Malaysia dan hanya diberikan kepada staf Akademik yang belum pernah mendapat kemudahan cuti belajar bagi peringkat pengajian berkenaan.

2.3 Staf Kumpulan Pengurusan & Profesional Dan Guru Bahasa Yang Mengikuti Pengajian Ijazah Lanjutan Secara Sambilan Di Universiti Utara Malaysia

1. Staf yang mengikuti pengajian Ijazah Lanjutan secara sambilan di Universiti Utara Malaysia boleh mendapat kemudahan pengurangan pengajian yuran sebanyak 80%.